



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273
portal : <http://jpnperak.moe.gov.my>



Ruj. Kami: JPNPk.SPK.PPDa.800-4/1/4 (14)

Tarikh: 15 Jamadilakhir 1440H

20 Februari 2019M

**Semua Pengetua
Sekolah Menengah Negeri Perak.**

**Semua Guru Besar
Sekolah Rendah Negeri Perak.**

Tuan,

PERUTUSAN HARI ANTIDADAH PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI TAHUN 2019

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Surat Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia: KPM.600-14/1/54 Jld.6 (88) bertarikh 08 Februari 2019 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius terhadap ancaman dadah, rokok, inhalan, alkohol dan HIV/AIDS dalam kalangan murid sekolah.

3. Sehubungan itu, kerjasama tuan dipohon untuk membacakan perutusan Antidadah Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 dalam perhimpunan sekolah masing-masing. Pihak sekolah juga disarankan untuk memainkan lagu "Kami Antidadah" (Dadah Durjana).

4. Bersama-sama ini disertakan Perutusan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan sempena Bulan Antidadah Kebangsaan dan Lagu "Kami Antidadah" (Dadah Durjana).

Kerjasama serta sokongan daripada tuan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD ROSLI BIN AHMAD, AMP., PPT.)
Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Perak
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k.

1. Semua Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak.



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-88849586 (Aras 3)
+603-88849370 (Aras 4)
Faks : +603-88849315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM. 600-14/1/54 Jld. 6 (88)
Tarikh : 08 Februari 2019

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Tuan,

PERUTUSAN ANTIDADAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019.

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius terhadap ancaman dadah, rokok, inhalan, alkohol, dan HIV/AIDS dalam kalangan murid sekolah.

3. Sehubungan itu, bagi mengingatkan pihak sekolah tentang kepentingan melaksanakan program/aktiviti Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa), semua sekolah dikehendaki membaca Perutusan Antidadah Peringkat Kebangsaan Tahun 2019. Perutusan tersebut perlu dibaca di peringkat sekolah pada **19 Februari 2019** sempena dengan Bulan Antidadah Peringkat Kebangsaan dengan tema '**Komuniti Kita, Tanggungjawab Kita**'. Bersama-sama ini disertakan Perutusan Antidadah Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 daripada pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk dipanjangkan ke sekolah-sekolah di bawah seliaan YBhg. Dato'/tuan.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara tersebut, pihak YBhg. Dato'/tuan boleh menghubungi **Puan Jahleha binti Yusof** di talian **03-8884 9396** atau **016 396 5278**. Kerjasama YBhg. Dato'/tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD JAMIL BIN MOHAMED

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia



PERUTUSAN
KETUA PENGARAH AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
SEMPENA BULAN ANTIDADAH KEBANGSAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

DAN SALAM SEJAHTERA.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah Subhanahu wataala kerana dengan limpah kurnia dan inayahnya kita dapat hidup dalam sebuah negara yang aman dan bersatu dengan pelbagai kaum dan tradisi yang saling menyokong antara satu sama lain. Namun begitu keharmonian dan kestabilan yang kita kecapai ini tidak akan kekal jika kita tidak berjaya mengekang pelbagai gejala sosial yang akan mengancam terutamanya kepada generasi muda iaitu seperti permasalahan penyalahgunaan dadah.

Keseimbangan dalam kehidupan dunia tanpa sempadan dengan pelbagai medium teknologi yang digunakan, harus disokong dengan pembinaan jati diri dalam kalangan generasi agar tidak terdorong kepada gejala yang tidak sihat. Tahun ini kita masih mengekalkan tema yang sama iaitu "**Komuniti Kita Tanggungjawab Kita**" yang membawa mesej yang berterusan berhubung tanggungjawab dan peranan komuniti untuk mengekang dan menanamkan kesedaran bahaya dadah. Isu penyalahgunaan dadah bukan masalah domestik yang hanya dihadapi di negara ini sahaja malahan seluruh dunia berdepan masalah ini sekali gus menuntut usaha berterusan untuk menyelesaikannya.

Pengekalan tema pada tahun ini memberikan makna yang sangat besar dalam menunjukkan peranan dan tanggungjawab komuniti dalam membantu pihak kerajaan ataupun pihak penguatkuasaan dalam membuat pencegahan serta mengekang masalah penagihan dadah di negara kita umumnya dan di dalam komuniti khususnya amat penting. Dengan wujudnya penglibatan komuniti ini akan memberikan kerjasama yang sangat utuh dan bersatu padu bagi membuat pencegahan awal dan mengekang masalah penyalahgunaan dadah ini agar tidak terus menjadi barah di dalam komuniti kita. Ini sejajar dengan cabaran wawasan 2020 yang ketujuh iaitu membentuk masyarakat penyayang dan budaya menyayangi demi kepentingan masyarakat.

Justeru itu, kita harus memberikan pengetahuan dan kefahaman mengenai bahaya dadah, dan menyedarkan ahli komuniti mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam merancang, menggerak dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan pencegahan serta rawatan dan pemulihan dadah sejajar dengan tema Bulan Antidadah pada tahun ini iaitu "Komuniti Kita Tanggungjawab Kita". Pendekatan secara holistik dan inklusif perlu ditekankan dalam mempergiatkan keterlibatan komuniti dan kolaborasi pelbagai pihak dalam membentuk komuniti yang aktif dan berdaya huni bagi mewujudkan kualiti persekitaran setempat yang aman dan selamat.

Dalam prinsip rawatan dan pemulihan dadah berkesan perlu disepakati tiada rawatan tunggal yang sesuai untuk semua orang. Pemulihan penagihan dadah adalah menjurus kepada komponen bio,psiko, Sosial dan Spiritual. Justeru itu keseluruhan komponen ini menyokong antara satu sama lain dalam proses pemulihan.

Dengan adanya pengetahuan dan kefahaman mengenai bahaya dadah ini serampang dua mata dalam memberikan maklumat ataupun pengetahuan bukan hanya didalam komuniti mereka tetapi juga kepada komuniti ditempat kerja, komuniti sekolah dan sebagainya. Ianya selaras dengan matlamat Dasar Dadah Negara iaitu untuk mewujudkan Negara dan bangsa Malaysia yang bebas daripada ancaman gejala dadah bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat dan

mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional melalui (5) lima teras iaitu, Pendidikan Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan, Penguatkuasaan, Pengurangan Kemudaratatan dan Kerjasama Antarabangsa.

Akhir kata, dalam kita mencanai harapan bagi tahun 2019 ini ingin saya menegaskan bahawa Bulan Antidadah Kebangsaan ini membawa satu wadah dan harapan iaitu **Komuniti Kita Tanggungjawab Kita**. Oleh itu marilah kita bersama-sama berganding bahu menjadikan ianya satu realiti yang diterjemahkan melalui usaha dan komitmen berterusan agar generasi kita di masa hadapan menjadi generasi yang bersih dan bebas dari ancaman dadah. Mencegah itu lebih baik daripada mengubati (*Prevention is better than cure*).

Sekian. Wabillahitaufiq wal hidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KETUA PENGARAH
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN